



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref:FRIM500-2/2/1 (18)
Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh: 13/04/2015

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA SIRI 2/2015

Permohon adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN : PENGAWAS HUTAN GRED G11/G17
(Kekosongan tiga (3) jawatan)**
- (b) **PENEMPATAN:** Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar
- (c) **TARAF
JAWATAN :** TETAP/KONTRAK
- (d) **JADUAL GAJI: G11** RM 832.00 (Minimum) – RM 2,2657.00 (Maksimum)
G17 RM 933.00 (Minimum) – RM 3,380.00 (Maksimum)
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN: G11** RM 80.00RM/**G17** RM 95.00
- (f) **IMBUHAN :**
 - (i) **TETAP KHIDMAT AWAM :** **G11** RM 95.00 / **G17** RM 115.00
 - (ii) **TETAP PERUMAHAN :** **G11/G17** RM 180.00
 - (iii) **BANTUAN SARA HIDUP :** **G11/G17** RM 300.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN DAN KELAYAKAN**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) terdiri daripada warganegara;
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED G11

- (iii) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred G11: RM877.51); atau

- (iv) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau institut latihan perhutanan Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred G11: RM923.66).
- (v) memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED G17

- (vi) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: RM988.55);
- (vii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau institut latihan perhutanan Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: RM1,044.94). dan
- (viii) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(h) SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Awam dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pengawas Hutan Gred G17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (i) (a) mempunyai kelayakan di perenggan (vi)/(vii) di atas; atau
(b) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (ii) had umur pelantikan:
 - (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan atas talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM <http://www.frim.gov.my/careers/> akan diproses.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 April 2015 (Khamis)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

No Kotak: No Dokumen: 10168268